



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 23 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	LELAKI NAFI CUAI TAK BAGI ARNAB MAKAN, LOKAL, HM -13 TIDAK MENGAKU ABAI ARNAB HINGGA MATI KEBULURAN, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	REPLENISHING MOVE, NATIONAL, THE SUN -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	MAQIS BENTENG BIOSEKURITI NEGARA, BULETIN TV3 -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5. 6. 7. 8.	DUA LELAKI BAWA 44 KAMBING DITAHAN, PASIR MAS, SH -23 SELUDUP KAMBING GUNA PERAHU, KUMPUL DI KAWASAN SEMAK, LOKAL, HM -9 PENTERNAK IKAN SANGKAR TERKEJUT TASIK RABAN SURUT MENGEJUT, DALAM NEGERI, UM -31 LADANG SATELIT, MUKA DEPAN, UM -1	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	13



SHAIRAZI dibawa ke Mahkamah Sesyen, semalam.

Lelaki nafi cuai tak bagi arnab makan

Ipoh: Gara-gara tidak memberi makan dan minum arnab peliharaan menyebabkan haiwan itu mati, seorang peniaga dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana cuai.

Shairazi Jamal Hatun, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa telah cuai menyediakan makanan dan minuman dua arnab kepunyaannya sehingga menyebabkan seekor daripadanya mati dan seekor lagi dalam keadaan terlalu kurus.

Dia dituduh melakukan

perbuatan itu di Jalan Simpang Pulai, Kampung Keping, dekat sini, pada jam 11 pagi, 9 Jun tahun lalu.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Subseksyen 29(1)(d) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut Subseksyen 29 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 28 November depan untuk serahan dokumen dan lantikan peguam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2024	HARIAN METRO	DALAM NEGERI	32

Tidak mengaku abai arnab hingga mati kebuluran

IPOH: Tindakan seorang peniaga mengabaikan arnab peliharaan hingga mati kebuluran membawa padah apabila dia dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Tertuduh, Shairazi Jamal Hatun, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Azizah Ahmad.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai pemilik dua ekor arnab telah didapati cuai untuk menyediakan makanan dan minuman bagi haiwan peliharaan tersebut sehingga menyebabkan seekor daripadanya mati manakala seekor lagi dalam keadaan terlalu kurus.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Petting Zoo Taman Herba Batu 1, Jalan Simpang

Pulai, Kampung Kepayang di dalam daerah Ipoh pada pukul 11 pagi, 9 Jun 2023.

Lelaki itu melakukan kesalahan di bawah Subseksyen 29(1)(d) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang memperuntukkan hukuman denda minimum RM20,000 dan maksimum RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak, Roziman Awang Tahrin memohon tarikh sebutan semula bagi serahan dokumen dan lantikan peguam oleh tertuduh.

Mahkamah kemudian membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan menetapkan tarikh sebutan semula pada 28 November depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2024	THE SUN	NATIONAL	6



REPLENISHING MOVE ... Heritage, Technology, Innovation and Digital Action Committee chairman Datuk Mohd Faizal Ramli (third from right) and Negeri Sembilan Fisheries director Kasim Tawe (second from right) releasing prawn hatchlings into Sungai Linggi yesterday as part of a restocking programme.
—BERNAMAPIC

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2024	BULLETIN TV3	ONLINE	

MAQIS benteng biosekuriti negara



PELABUHAN KLANG: RM40 juta nilai dagangan dikumpul hasil penguatkuasaan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) terhadap individu tidak bertanggungjawab membawa masuk barangan pertanian yang ditakrifkan sebagai tidak selamat untuk pengguna.

Nilai dagangan dikumpul hasil penguatkuasaan MAQIS di pintu masuk negara khususnya udara, laut dan darat.



MAQIS memastikan setiap bahan mentah diimport ke dalam negara bebas dari bahan tercemar dan ia merupakan pencegahan awal bagi menjamin keselamatan biosekuriti negara, sekaligus memetahui aspek kesihatan manusia.

Menurut Timbalan Ketua MAQIS, Dr Azhari Sharidan Abu Bakar, rakyat Malaysia tidak boleh membeli makanan dari luar negara, dikhuatiri dijangkiti penyakit.



"Cabaran MAQIS adalah untuk mendidik orang awam mengenai barangan yang boleh dan tidak boleh dibawa masuk.

menyebabkan jangkitan," katanya.

"Buat masa ini makanan seperti daging dan buah-buahan tidak dapat dipertimbangkan dikhuatiri terdapat serangga perosak atau virus yang boleh



Barang dagangan khususnya tumbuh-tumbuhan, haiwan, hidupan laut, keluaran hasil pertanian dan makanan yang diimport ke dalam negara perlu mematuhi peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan, bagi memelihara hak pengguna serta melindungi sektor pertanian negara.

Tonton laporan khas 'Benteng Biosekuriti Negara' dan pelbagai rangkuman kes sepanjang minggu dalam program 999 malam ini di TV3.

Program 999 bersiaran setiap Selasa, jam 9 malam dan strim sekarang melalui Tonton!

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2024	SINAR HARIAN	PASIR MAS	23

Dua lelaki bawa 44 kambing ditahan

PASIR MAS - Dua lelaki tidak sempat menghantar 44 kambing baru diseludup dari Thailand apabila kegiatan mereka berjaya dikesan sebelum dicekup anggota Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) Pengkalan Chepa.

Kedua-dua suspek berusia 20 dan 55 tahun ditahan selepas menahan sebuah lori jenis Daihatsu dipandu dalam keadaan mencurigakan ketika Op Taring Wawasan di Kampung Repek, di sini, kira-kira jam 12.30 tengah malam pada Isnin.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, pemeriksaan terhadap lori kenderaan terbabit menemui 44 kambing dipercayai dibawa masuk dari negara jiran tanpa dokumen sah.

"Siasatan awal mendapati, dua lelaki terbabit dipercayai menjadi penghantar dengan menyeludup kambing ke pasaran tempatan.

"Anggaran keseluruhan rampasan termasuk kenderaan berjumlah RM55,000," katanya pada Selasa.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

"Suspek bersama barang rampasan dibawa ke Kompeni Taktikal (Komtak) Jeram Perdah untuk tindakan lanjut," katanya.

Seludup kambing guna perahu, kumpul di kawasan semak

Pasir Mas: Seludup kambing menggunakan perahu menyeberangi Sungai Golok dan dikumpulkan di kawasan semak atau kandang berdekatan sebelum dihantar ke pelanggan menggunakan lori atau kereta.

Itu taktik dilakukan kumpulan penyeludupan kambing sebelum kegiatan mereka ditumpaskan Pasukan Gerakan Am (PGA) selepas merampas 44 kambing bernilai RM55,000 di Kampung Repek di sini, jam 12.30 tengah malam Sabtu lalu.

Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, rampasan dilakukan Batalion 8 PGA itu selepas menahan lori dalam keadaan mencurigakan menerusi Op Taring Wawasan.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati 44 kambing anggaran berat lebih 2,200 kilogram (kg) dipercayai diseludup dari Thailand ditemui dalam lori terbabit tanpa dokumen yang sah.



NIK Ros Azhan

"Suspek dua lelaki tempatan berusia 20 dan 55 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup kambing itu ke pasaran tempatan ditahan untuk siasatan lanjut.

"Nilai rampasan keseluruhan adalah bernilai RM55,000.00 dan kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953. Suspek dan barang rampasan diserahkan ke Komtak Jeram Perdah untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Katanya, siasatan men-



PGA merampas 44 kambing bernilai RM55,000 di Kampung Repek, Pasir Mas.

dapati kumpulan penyeludup kambing terbabit akan membawa binatang itu menyeberangi Sungai Golok dari Thailand mengu-

nakan perahu.

"Apabila sampai di tebing sebelah kita, kambing ini akan di kumpulkan di kawasan semak berhampiran tebing Sungai Golok dan dimuat ke dalam ken-

deraan untuk dihantar kepada pelanggan.

"Harga bagi seekor kambing di Thailand ialah RM680 menjadi faktor pen-

dorong permintaan kambing dari Thailand terus meningkat kerana harga murah berbanding kambing tempatan di sini dijual sekitar harga RM1,000 hingga 1,500 bagi setiap ekor mengikut saiz timbangan," katanya.

Sementara itu, menerusi serbuan berasingan di pengkalan haram Syed Meor Bukit Lata di Rantau Panjang, Nik Ros Azhan berkata, pihaknya merampas 1,800 unit sabun kosmetik dipercayai diseludup dari Thailand bernilai RM75,840.

Katanya, barangan berkenaan dirampas selepas pihaknya melakukan pemeriksaan terhadap sebuah stor jam 11.30 pagi semalam.

"Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 7(1)(E) Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 dan hasil rampasan diserahkan ke Komtak Jeram Perdah untuk tindakan selanjutnya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Penternak ikan sangkar terkejut Tasik Raban surut mengejut

Oleh **FADZIL ZAINOL**
utusannews@mediamulla.com.my

LENGKONG: Sekumpulan penternak ikan sangkar dan nelayan di Tasik Raban di sini panik serta berdepan situasi sukar apabila paras air di kawasan ternakan mereka surut.

Mereka yang menetap di Kampung Pengkalan Ikan Selak Jumaat lalu memberitahu bot masing-masing terkandas di beberapa kawasan yang tiba-tiba kering, dengan mendakwa keadaan seumpama itu tidak pernah berlaku.

Seorang daripada penternak, Noorsazleen Mohamad Roslee, 37 tahun berkata, kesemua mereka terkejut dan buntu terhadap kejadian tersebut serta risau nasib ikan ternakan.

"Sangkar yang berada di tepi



KEADAAN Tasik Raban di Lenggang yang surut sehingga menjelaskan penternak ikan sangkar di tasik itu.

tasik akan terjejas teruk. Setakat ini dalam tiga hingga empat sangkar yang terkesan.

"Masalah paling besar apabila bot-bot tidak dapat keluar untuk beri ikan makan dan pada

pa kawasan di Hulu Perak dan Kuala Kangsar terutama yang bersebelahan sungai baru sahaja pulih daripada banjir teruk akibat hujan lebat berterusan.

Mereka bertanya adakah ke-

jadian itu disebabkan faktor kawalan air susulan perkembangan pada minggu lalu berhubung kerja-kerja pelepasan air oleh Tenaga Nasional Berhad di empangan yang dikendalikan oleh syarikat utiliti tersebut.

"Sebab sebelum ini tidak pernah surut seteruk macam ini. Mungkin pernah berlaku tapi tak pernah seteruk ini. Malah banjir besar pada tahun 2014 pun pelepasan empangan tak seteruk ini," kata Noorsazleen.

Dia juga memuat naik perkara itu di dalam media sosial dan mendapat reaksi sama daripada orang ramai yang terkejut dengan keadaan tersebut.

"Harap perkongsian ini dapat buka mata pihak berwajib. Kami buntu sebenarnya nak salurkan pertanyaan kepada siapa," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



Ladang satelit

SEORANG pekerja menyusun polibeg tanaman cili merah di Sungai Kelambu, Kuala Langat, Selangor yang diusahakan di bawah pelaksanaan program Ladang Satelit Ehsan Tani dan dijangka mengeluarkan hasilnya Disember ini. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA